

Nilai kemanusiaan teras pembangunan

Mersing: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan pembangunan sebuah negara maju perlu berteraskan nilai kemanusiaan seperti akhlak, disiplin serta semangat ihsan.

Beliau berkata, petanda berjaya atau tidak sesebuah negara itu adalah berasaskan nilai kemanusiaan dan bukan pencapaian ekonomi, teknologi digital atau kecerdasan buatan (AI) semata-mata.

“Kita bangga dengan ilmu dan kecemerlangan dalam pendidikan, kita bangga dengan kemahiran, tetapi kita harus lebih bangga mengasah nilai karamah insan,” katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Pengakap Johor (PAPJ) ke-27 di Pantai Tanjung Leman, Mersing, semalam.

Sehubungan itu, beliau berkata, nilai kemanusiaan yang ditekankan dalam pengakap seperti disiplin, kemahiran dan persaudaraan perlu diterapkan dalam kehidupan kerana kemanusiaan tidak dapat dibentuk menerusi mesin atau AI.

“Malaysia sebagai negara MADANI betul nak pacu pertumbuhan ekonomi, betul nak menguasai digital, tenaga baharu, AI, tetapi yang kita nak latih dan pupuk itu semangat manusia.

“Manusia ini tidak boleh dibentuk hanya dengan mesin, dia dibentuk dengan akhlak, disiplin, dengan semangat ihsan antara kawan-kawan, keluarga, kawan-kawan sekolah dan pelbagai kaum serta agama di negara kita ini,” katanya.

Turut hadir, Menteri Pendidikan,

Fadhlina Sidek; Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dr Johari Abdul.

Anwar berkata, prinsip Islam yang menekankan kasih sayang terhadap sesama makhluk juga mesti menjadi panduan kerana tanpanya manusia akan menjadi rakus dengan merosakkan alam sekitar termasuk penebangan hutan secara berleluasa.

Menyentuh berkaitan isu sosial seperti buli di sekolah, beliau berkata ia bertentangan dengan nilai kemanusiaan sebenar.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan RM100,000 kepada Pengakap Malaysia bagi menjayakan program perkhemahan itu.

“Untuk perkhemahan ini, saya umum RM100,000 (untuk jayakan

lagi program ini). Saya cuba paling lambat hari Isnin ini (supaya peruntukan itu diluluskan) kerana kita tidak mahu lambatkan (proses penyalurannya),” katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada para pengakap dari dalam dan luar negara termasuk Singapura, Indonesia, Hong Kong dan beberapa delegasi antarabangsa yang hadir menyertai PAPJ27, yang disifatkannya sebagai bukti persahabatan merentasi sempadan.

PAPJ27 yang berlangsung bermula semalam hingga 17 September di sini menghimpunkan lebih 4,000 pengakap dari seluruh Malaysia dan negara jiran sebagai medan memperkukuh disiplin, perpaduan serta persahabatan.

BERNAMA